



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) MENERIMA SUMBANGAN 1 JUTA UNIT SARUNG TANGAN PERUBATAN



Pada 1 April 2020, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menerima sumbangan 1 juta unit sarung tangan perubatan daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK). Sumbangan ini sebagai tanda penghargaan kepada barisan hadapan yang bertungkus lumus membantu menangani wabak COVID-19.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali turun padang untuk menyerahkan sumbangan kepada JBPM dan diwakili oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan turut dihadiri YB Dato' Sri Dr Haji Ismail Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri KPKT; Datuk Zainal Abidin Abu Hassan, Ketua Setiausaha KPKT, serta Datuk Mohammad Hamdan Wahid, Ketua Pengarah JBPM yang diadakan di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya.

KPPK berharap agar sumbangan yang diberikan dapat melancarkan tugas penguatkuasaan anggota keselamatan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekaligus mampu menghalang penyebaran wabak COVID-19.



YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin mengucapkan terima kasih dan menghargai sumbangan KPPK di atas kolaborasi baik dalam memerangi wabak COVID-19. Barangan keperluan seumpama itu amat diperlukan oleh JBPM, termasuk barangan kesihatan lain sebagai langkah keselamatan. Beliau juga berharap agar lebih banyak pihak luar dapat

menyumbang kerana ia dapat menjimatkan perbelanjaan untuk disalurkan dan membantu pihak lain di bawah pengurusan KPKT.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat